

NO. SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 29 NOV 2017

RUJUKAN : 10382

SOALAN :

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimanakah tindakan yang diambil oleh pihak berwajib untuk memintas komunikasi gerakan ekstremis DAESH yang menyebarkan fahaman mereka kepada orang awam melalui medium media sosial.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited dalam menjalankan tugasnya untuk mengesan mereka yang disyaki terlibat dengan elemen pengganas. PDRM sentiasa memantau secara berterusan terutamanya melalui media sosial yang sering digunakan sebagai medium oleh pengikut-pengikut militan Daesh untuk menyebarkan fahaman dan merekrut ahli-ahli baru.

Seramai 346 orang yang terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh di Malaysia telah berjaya ditangkap dari 2013 hingga 6 Oktober 2017. Kejayaan ini merupakan hasil kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dalam mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap laman-laman web seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* yang terlibat dengan penyebaran fahaman kumpulan militan IS. Tindakan menyekat akses laman-laman web berkenaan perlu dilakukan agar tidak tersebar kepada masyarakat umum.

PDRM turut menerima maklumat daripada orang awam dan ahli keluarga suspek mengenai penglibatan mana-mana individu yang menunjukkan kecenderungan dan sokongan kepada kumpulan pengganas. Sebarang perubahan tingkah laku yang drastik boleh dijadikan petunjuk bahawa individu tersebut mula terpengaruh dengan dakyah perjuangan oleh anasir-anasir militan.